

**IJMA' DI DALAM AL-TARJAMAH AL-MURSALAH MENURUT KITAB
JAMI' AL-TIRMIDHI KARYA IMAM AL-TIRMIDHI (200-209 H.)**
*Ijma' In Al-Tarjamah Al-Mursalah According To Kitab Jami' Al-Tirmidhi By Imam
Al-Tirmidhi (200-209 H.)*

Siti Mursyidah Mohd Zin, Ahamad Asmadi Sakat

sitmursyidah@kuis.edu.my, ass@ukm.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

al-Tarjamah al-Mursalah adalah salah satu kaedah penyusunan bab atau tarajum di dalam al-Jami' al-Mukhtasar min Sunan 'an Rasullillah SAW wa Ma'rifah al-Sahih wa al-Ma'lul wa ma 'alaihi al-'Amal atau lebih dikenali sebagai Jami' al-Tirmidhi. Penggunaan al-Tarjamah al-Mursalah ini telah diulang sebanyak 275 kali di dalam Jami' al-Tirmidhi. Artikel ini akan menjelaskan makna al-Tarjamah al-Mursalah dan metode ijma' (persepakatan) di dalam Jami' al-Tirmidhi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan terhadap Jami' al-Tirmidhi. Hasil kajian mendapati terdapat tiga metode yang berlainan yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi ketika menerangkan al-Tarjamah al-Mursalah di dalam bab ijma'. Ketiga-tiga metode tersebut ialah ijma' pada perkara yang usul (asal) atau dalil al-Quran, ijma' bersandarkan kepada beberapa istilah yang dilafazkan dan ijma' bersandarkan kepada tajuk bab hadis. Justeru, pemahaman terhadap metode penulisan Imam al-Tirmidhi adalah amat penting kerana keunikan beliau menghuraikan hadis ijma' di dalam menerangkan al-Tarjamah al-Mursalah. Implikasi daripada kajian ini dapat menjelaskan kekeliruan di dalam memahami metode ijma' dalam al-Tarjamah al-Mursalah menurut Jami' al-Tirmidhi.

Kata kunci: *al-Tarjamah al-Mursalah; Jami' al-Tirmidhi; Imam al-Tirmidhi; Ijma'; Hadis.*

ABSTRACT

al-Tarjamah al-Mursalah is one of the methods in organising chapter (tarajum) in al-Jami' al-Mukhtasar min Sunan 'an Rasullillah SAW wa Ma'rifah al-Sahih wa al-Ma'lul wa ma 'alaihi al-'Amal or better known Jami' al-Tirmidhi. The method of al-Tarjamah al-Mursalah has been repeated 275 times in Jami al-Tirmidhi. This study expounds the definition of al-Tarjamah al-Mursalah and the methods of ijma' in Jami' al-Tirmidhi. This study is qualitative in nature that employs content analysis method on Jami' al-Tirmidhi. This study discovers three different methods employed by Imam al-Tirmidhi in his description on al-Tarjamah al-Mursalah in the chapter of ijma'. The three methods are as follow; ijma' on the fundamental (usul) matters or the Qur'anic verses, ijma' based on some of the manifested terminology and ijma' based on the hadith chapter. Hence, understanding the method of Imam al-Tirmidhi's writing is vital due to his distinctiveness in describing the ijma' hadith within the

Received: 9 October 2018

Revised: 25 October 2018

Accepted: 13 Mac 2019

discussion of al-Tarjamah al-Mursalah. Consequently, this study explicates the misperception in understanding the ijma' method of al-Tarjamah al-Mursalah according to Jami' al-Tirmidhi.

Keywords: *al-Tarjamah al-Mursalah; Jami' al-Tirmidhi; Imam al-Tirmidhi; Ijma'; Hadis.*

1. Pengenalan

Penyusunan tajuk ataupun kaedah *tabwib* di dalam setiap bab bagi sesebuah kitab hadis merupakan elemen yang sangat penting bagi seorang pengarang. Kebiasaannya melalui penyusunan tajuk akan menonjolkan cara pemikiran pengarang tersebut. Selain itu penyusunan tajuk ataupun kaedah *tabwib* juga merupakan jalan pintas buat para pembaca untuk melihat isi kandungan yang ingin disampaikan oleh pengarang kitab. Justeru, pastinya kaedah *tabwib* di dalam sesebuah kitab hadis memerlukan kepada penelitian dan pemikiran yang sangat mendalam kepada para *muhaddith*, ini kerana daripada penyusunan *tarjamah* (tajuk-tajuk) sesebuah kitab atau *tarajum* sahaja akan menggambarkan pemikiran, kefahaman dan fiqh seseorang *muhaddith* tersebut. Nur al-Din 'Itr (1988: 273) telah mengatakan bahawa “Fiqh Imam al-Bukhari terletak pada *tarjamahnya* (tajuk-tajuk).”

Khadher Ahmad dan Sedek Ariffin (2013) menjelaskan Imam al-Bukhari telah mengumpul hadis di dalam *tarjamah* (tajuk-tajuk) menjadikan karya ini bukan sahaja karya sumber hadis, tetapi mengandungi fiqh (pemahaman) Imam al-Bukhari terhadap sesuatu hadis diletakkan dalam nama kitab dan bab tersebut. Bahkan, beliau turut mengulangi hadis tersebut dalam kitab dan bab yang berlainan. Ini menunjukkan bahawa karya *Sahih al-Bukhari* bukan sekadar karya yang penting sebagai sumber hadis, malahan penting dalam memahami sesuatu hadis (fiqh al-hadith). Kaedah ini seakan-akan menyerupai kaedah penyusunan *Jami' al-Tirmidhi*, Ahamad Asmadi dan Wan Nasyrudin (2009) dan disokong oleh Uдах @ Budah bin Mohsin (2009) telah menyatakan bahawa *Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sarwah bin Musa bin al-Dihak al-Tirmidhi* atau lebih dikenali dengan Imam al-Tirmidhi (200-209 H.) telah menggabungkan di antara fiqh dan hadis di dalam penulisan *Jami' al-Tirmidhi*. Ini jelas terbukti apabila Imam al-Tirmidhi menunjukkan kemahiran beliau di dalam bidang hadis dengan meletakkan *sanad* (rantai perawi) yang merangkumi

mutaba'at (sokongan) dan *shawahid* (dalil atau bukti), manakala penyusunan beliau terhadap tajuk-tajuk *tarjamah* atau *tarajum* di dalam *Jami' al-Tirmidhi* pula lebih menjurus kepada permasalahan fiqh.

Nur al-Din 'Itr (1988: 291) telah menyatakan kaedah *tabwib* Imam al-Tirmidhi ini secara umum iaitu dengan memberikan penerangan di dalam perkara yang berkaitan *tarjamah* atau *tarajum* dari sudut pentakrifan dan beserta satu contoh sahaja di dalam باب ما جاء في الحج الصبي (Bab Haji bagi Kanak-kanak). Tambahan pula Nur al-Din 'Itr juga tidak menghuraikan dengan begitu mendalam di dalam bab *al-Tarjamah al-Mursalah* kerana kajian yang dilakukan oleh beliau lebih menjurus kepada perbandingan kitab diantara *Jami' al-Tirmidhi* dan *al-Sahihain* (Sahih al-Bukhari dan Sahih al-Muslim). Justeru, kajian ini akan menjelaskan metode Imam al-Tirmidhi di dalam bab *al-Tarjamah al-Mursalah*.

Malah menurut Nur al-Din 'Itr (1988, 273) dan Ahamad Asmadi (1998, 153-154) juga penyusunan *tarjamah* atau *tarajum* di dalam *Jami' al-Tirmidhi*, telah dibahagikan kepada tiga kaedah iaitu:

i. *al-Tarjamah al-Zahiriyyah*

Tajuk-tajuk yang berbentuk zahir yang merupakan tajuk yang menepati apa yang terdapat dalam kandungan hadis secara jelas tanpa berhajat kajian yang mendalam seperti contoh di dalam "باب ما جاء في السواك" (Bab di dalam Bersiwak) kemudian Imam al-Tirmidhi mengemukakan hadis berstatus sahih dari Baginda SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرِهِمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ.

(Imam al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi*, *Abwab al-Taharah*, *Bab Ma Jaa fi al-Siwak*, No. Hadis 22)

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah RA berkata: "Berkata Rasulullah SAW: "Sekiranya tidak aku merasa berat terhadap umatku, nescaya aku perintahkan kepada mereka untuk bersiwak setiap kali mengerjakan sembahyang".

Justeru dapat difahami daripada tajuk bab yang dikemukakan oleh Imam al-Tirmidhi dan juga hadis yang diletakkan di dalam bab tersebut menepati kepada tajuk yang diberikan (Ahamad Asmadi, 1998:155).

ii. *al-Tarjamah al-Istinbatiyah*

Tajuk-tajuk yang bertepatan dengan kandungan tajuk bab menerusi kajian atau setelah difikirkan secara mendalam (Ahamad Asmadi, 1998:155). Nur al-Din 'Itr (1988:286) telah memberikan contoh yang terdapat di dalam *Jami' al-Tirmidhi* iaitu di dalam "باب ما جاء في الضمضة والاستنشاق" (Bab Berkumur dan memasukkan air ke dalam Hidung) kemudian beliau mengemukakan hadis berstatus sahih dari Baginda SAW:

عَنْ سَلْمَةَ بْنِ قَيْسِ الْأَشْجَعِيِّ قَالَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا تَوَضَّأْتَ فَانْتَشِرْ وَإِذَا اسْتَحْمَرْتَ فَأَوْتِرْ .
وَفِي الْبَابِ عَنْ عُثْمَانَ وَلَقِيظِ بْنِ صَبْرَةَ وَابْنِ عَبَّاسٍ وَالْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ وَوَائِلِ بْنِ حُجْرٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ .

(Imam al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Taharah, Bab Ma Jaa fi al-Madmadah wa al-Istinshaq*, No. Hadis 27).

Maksudnya:


Dari Salamah bin Qais al-Ashjai' berkata: "Berkata Rasulullah SAW: "Jika kamu berwuduk hendaklah diratakan, jika kamu beristinjak menggunakan batu, gunakan bilangan batu yg ganjil"."

Justeru dapat difahami hadis yang dikemukakan oleh Imam al-Tirmidhi ini tidak berkaitan dengan tajuk hadis yang beliau utarakan, namun begitu kerana terdapat hadis lain yang diriwayatkan di dalam "باب ما جاء في الضمضة والاستنشاق" (hadis lain yang berada di bawah tajuk yang sama) mempunyai kaitan dengan tajuk bab ini, maka Imam al-Tirmidhi meletakkan hadis ini di bawah tajuk ini.

iii. *al-Tarjamah al-Mursalah:*

Mengikut definisi yang telah diterangkan oleh Nur al-Din 'Itr (1988: 274) bermaksud sebuah daripada jenis tajuk-tajuk apabila pembaca atau pengkaji menemui kalimah

"باب" atau *bab minh* "باب منه" dan selepas lafaz-lafaz tersebut tidak dikemukakan apa-apa tajuk dan ditinggalkan begitu sahaja. Rajah 1 merupakan ringkasan kaedah *tabwib* yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam *Jami' al-Tirmidhi*.



Rajah 1. Kaedah *tabwib* di dalam *Jami' al-Tirmidhi*

Ahamad Asmadi (1998: 251) menjelaskan lagi bahawa isu *ijma'* dan *khilaf* merupakan perkara yang sering diutarakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam penulisan hadis beliau. Ahamad Asmadi (1998: 252) telah mengutarakan perkara yang sama bahawa di dalam *Jami' al-Tirmidhi* terdapat perbincangan yang terperinci di dalam menerangkan berbagai masalah di kalangan para ulama sama ada masalah tersebut merupakan tajuk yang diijmakan' atau terdapat *khilaf* ulama. Justeru, sekiranya permasalahan tersebut dipersetujui dan diijma'kan oleh para ulama maka beliau akan menyebutnya, sekiranya berlaku percanggahan pendapat ataupun *khilaf* beliau akan mengupas dan menerangkannya.

Ahnaf Wafi bin Alias (2015) turut menjelaskan al-Tarjamah al-Mursalah merupakan salah satu metode yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam kitab beliau. Kaedah ini dilihat sebagai seni tersendiri yang menggambarkan kehebatan seorang tokoh ulama dalam bidang hadis dan fiqh. Kebiasaannya ketika menerangkan

sesuatu permasalahan fiqh, beliau akan mendatangkan hadis dan perbincangan ulama sezaman dengannya. Sekiranya sesuatu persoalan itu memerlukan perbincangan lanjut terutamanya berkaitan *ijma'* atau *khilaf* ulama, beliau akan menerangkan perbincangan tersebut dalam bab berikutnya sama ada beliau menamakan bab tersebut atau membiarkannya tanpa sebarang nama yang dikenali sebagai *al-Tarjamah al-Mursalah*.

Penggunaan *al-Tarjamah al-Mursalah* ini telah diulang sebanyak 275 kali di dalam *Jami' al-Tirmidhi* di dalam menjelaskan *ijma'*, *khilaf*, *furu'* (cabang) dan *nasikh wa mansukh* (penghapusan hukum lama dengan hukum yang baru). Namun begitu sehingga kini, hanya terdapat dua kajian yang dilakukan secara komprehensif. Ahnaf Wafi bin Alias (2015) telah menghuraikan kaedah *al-Tarjamah al-Mursalah* dari sudut *khilaf al-fiqhi*, dan menfokuskan di dalam *Abwab al-Salah* (Bab Solat) sahaja. Manakala kajian yang dijalankan oleh Muhammad Umar Mukhtar bin Shafie (2017) menjelaskan metodologi Imam al-Tirmidhi di dalam menerangkan dalil Imam al-Syafi'i (w. 204 H.) Kajian tersebut turut menerangkan kaedah serta pendirian Imam al-Tirmidhi ketika menjelaskan dalil Imam al-Syafi'i yang terdapat di dalam *Jami' al-Tirmidhi*. Justeru, artikel ini amat berbeza dengan kajian-kajian yang telah dilakukan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan ke atas *Jami' al-Tirmidhi* yang dikarang oleh Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sarwah bin Musa bin al-Dihak al-Tirmidhi dengan kaedah mengkaji *manhaj* Imam al-Tirmidhi secara khusus tentang *ijma'* di dalam *al-Tarjamah al-Mursalah*.

Cara pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder iaitu kitab-kitab hadis amnya dan *Jami' al-Tirmidhi* khususnya, tesis-tesis, jurnal serta bahan bacaan yang mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan *manhaj* atau metode Imam al-Tirmidhi secara khusus di dalam bab *ijma'* dan *al-Tarjamah al-Mursalah*.


2. Definisi Terhadap Al-Tarjamah Al-Mursalah dan Ijma'

Dari sudut bahasa *Kamus Lisan al-'Arab* menjelaskan *al-Tarjamah* berasal daripada perkataan “*ta ra ja ma*” iaitu *تَرْجَمَ* ” bermaksud menjelaskan atau terjemahan.

Manakala *al-Tarjamah Kalamah* ialah mentafsirkan percakapannya dengan bahasa lain (Ibn Mandhur, 2008. 5: 159).

Al-Mursalah merupakan perkataan yang berasal dari perkataan “ أرسل ” yang bermaksud yang diutuskan (Ibn Mandhur, 2008. 4: 553). Manakala menurut *Bahr al-Muhit* menjelaskan *Hadis al-Mursalah* bermaksud sesuatu yang diriwayatkan seorang *al-muhadith* kepada tabiin, dan berkata: “Sabda Rasulullah SAW dan tabiin, tidak menyebut nama sahabat (al-Fairuz Abadi, 1998: 1006).

Al-Tarjamah al-Mursalah mengikut definisi yang telah diterangkan oleh Nur al-Din ‘Itr (1988: 274) bermaksud sebuah tajuk daripada jenis tajuk-tajuk apabila pembaca atau pengkaji menemui kalimah "باب" atau "باب منه" dan selepas lafaz-lafaz tersebut tersebut tidak dikemukakan apa-apa tajuk dan ditinggalkan begitu sahaja. Justeru definisi ini yang di pilih bagi menerangkan makna *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam kajian ini.



Rajah 2. Contoh *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam *Jami' al-Tirmidhi*

Menurut Kamus *Lisan al-'Arab*, *ijma'* berasal daripada perkataan *jama'* (جمع). Ia merupakan *masdar* (sumber) dari '*afal al-Ruba'ii* iaitu *ajmaa* yang memberi makna ia yang mengumpulkan ke atasnya.

Dari sudut bahasa pula *ijma'* mempunyai dua makna. Makna yang pertama ialah penentuan dan penetapan ke atas sesuatu. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah (Yunus, 10: 71):

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ يَا قَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُمْ مَقَامِي وَتَذَكِيرِي بِآيَاتِ اللَّهِ فَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوا أَمْرَكُمْ وَشُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ اقضُوا إِلَيَّ وَلَا تُنظِرُونِ

Maksudnya:

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka berita penting (perihal) Nabi Nuh di waktu dia berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku! Sekiranya kedudukan aku dalam kalangan kamu dan peringatan (kepadamu yang aku berikan dengan ayat-ayat keterangan Allah itu, menjadi keberatan kepada kamu, maka (buatlah apa yang kamu hendak buat keran Allah jualah aku berserah diri. Oleh itu, tetapkanlah keazaman kamu serta sekutu-sekutu kamu untuk melakukan rancangan jahat kamu terhadapku. Kemudian janganlah hendaknya rancangan jahat kamu itu, kamu jalankan secara tersembunyi (tetapi biarlah beteraang-terangan), sesudah itu bertindaklah terus terhadapku dan janganlah kamu tunggu-tunggu lagi.

Maka ia menunjukkan penentuan atau penetapan ke atas sesuatu. Manakala berdasarkan hadis, *ijma'* memberi makna bersandarkan niat dan penetapan (Ibn Mandhur, 2008. 3: 643). Sabda Rasulullah SAW sebuah hadis *sahih* dan *marfu'* (apa yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat baginda sama ada secara bersambung atau terputus):

عن حفصة عن النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ لَمْ يُجْمِعِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ.

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Saum 'an Rasulullah SAW, Bab Ma Jaa la Syam li-man Lam Yua'zzim min al-Lail, No 730.*)

Maksudnya:

Di riwayatkan dari Hafsa dari Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang tidak berniat sebelum Fajar, maka dia tidak dikira berpuasa".

Definisi dari sudut bahasa yang kedua pula *ijma'* bermaksud bersepakat, sepertimana firman Allah SWT di dalam surah (Yusuf, 12 :15):

فَلَمَّا ذَهَبُوا بِهِ وَأَجْمَعُوا أَنْ يَجْعَلُوهُ فِي غَيِّبِ الْجُبِّ وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُمْ بِأَمْرِهِمْ هَذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya :

Setelah mereka pergi dengan membawanya bersama dan setelah mereka sekata hendak melepaskan dia ke dalam perigi, (mereka pun melakukan demikian) dan Kami mengilhamkan kepadanya "Sesungguhnya engkau (Wahai Yusuf akan terselamat) dan akan memberi tahu mereka tentang hal perbuatan mereka ini, sedangkan mereka tidak sedar dan tidak teringat lagi kepadanya."

Di dalam sebuah hadis *gharib* (bersendirian seorang perawi dalam meriwayatkannya) Rasulullah SAW bersabda:

عن ابن عمر: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّتِي - أَوْ قَالَ أُمَّةً مُحَمَّدٍ - عَلَى ضَلَالَةٍ وَيُدُّ اللَّهُ عَلَى الْجَمَاعَةِ

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Fitan 'an Rasulullah SAW, Bab Ma Jaa fi Luzum al-Jama'ah*, No. 2255.)

Maksudnya:

Dari Ibn 'Umar Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT tidak menjadikan persepakataan atau berkumpul ke atas umatKu atau umat Muhammad di atas kesesatan. Dan sesungguhnya Allah SWT bersama para jamaah (ulama)”.

Justeru, daripada ayat al-Quran dan hadis ini, *ijma'* memberi makna “mereka bersepakat di atas perkara tersebut”. Iaitu bersepakat sesuatu kaum di atas sesuatu.


Manakala *jumhur* (sebahagian besar) ulama mendefinisikan *ijma'* sebagai perkara yang telah disepakati oleh kesemua para mujtahid iaitu umat Nabi Muhammad SAW selepas kewafatan baginda dari zaman ke zaman di dalam urusan agama (Sa'di Abu Jaib 1999. 3: 29). Justeru definisi ini yang dipilih bagi menerangkan makna *ijma'* di dalam kajian ini.

3. Pembahagian *Ijma'* di dalam *al-Tarjamah al-Mursalah*

Ahamad Asmadi menjelaskan (1998: 249) kadang kala Imam al-Tirmidhi tidak menyebut pendapat ulama atau umat Islam dalam membicarakan masalah sesuatu bab apabila bab itu telah diketahui secara nyata (zahir) ia adalah *ijma'* para ulama dan apabila beliau menyatakan mengenai *fadail al-amal* (kelebihan beramal) sekalipun hadis yang dikemukakan oleh beliau adalah hadis *da'if* (lemah). Namun penggunaan kaedah ini tidak banyak digunakan dalam *Jami' al-Tirmidhi*.

Justeru, menurut pemerhatian pengkaji kaedah yang sama ini ia juga turut diaplikasi oleh Imam al-Tirmidhi di dalam sistem *tabwib al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam menerangkan *ijma'*. Maka pengkaji mendapati terdapat tiga kaedah yang dapat

disimpulkan seperti berikut di dalam menerangkan *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam bab *ijma'* iaitu: (1) *ijma'* berdasarkan kepada perkara yang *usul* (asal) atau dalil al-Quran (2) menyebut *ijma'* menggunakan istilah-istilah tertentu dan (3) *ijma'* bersandarkan kepada tajuk hadis.



Rajah 3. Metode *Ijma' al-Tarjamah al-Mursalah*.

3.1 *Ijma'* bersandarkan kepada perkara yang *Usul* atau Dalil al-Quran.


Ijma' pertama yang pengkaji dapati di dalam *Jami' Tirmidhi* adalah *Ijma'* bersandarkan kepada perkara yang *Usul* atau Dalil al-Quran. Sebagai contoh di dalam *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Nikah 'an Rasullillahi SAW, Bab Ma Jaa fi al-Muhur al-Nisa*, No. 1113, (Bab Pemberian Mas Kahwin kepada Wanita). Seperti yang diketahui memberikan *mahar* (mas kahwin) diberikan kepada wanita adalah wajib ini bersandarkan firman Allah SWT di dalam surah (al-Nisa, 4: 4):

وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

Maksudnya:

Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan mas kahwin (mahar) mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka gunakanlah pemberian yang halal itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik sesudahannya.

Maka bersandarkan dalil ini, maka tajuk *Bab Ma Jaa fi Muhur al-Nisa* (Bab Pemberian Mas Kahwin kepada Wanita) juga termasuk di dalam bab *ijma'* walaupun hadis di dalam bab ini menceritakan hukum penentuan kadar bayaran minima *mahar* bagi seseorang wanita yang merupakan perkara yang *khilaf* dalam kalangan para ulama. Rajah 4 merupakan contoh *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam *Bab Ma Jaa fi Muhur al-Nisa*.



Rajah 4. Contoh *Bab Ma Jaa fi Muhur al-Nisa* (Bab Pemberian Mas Kahwin kepada Wanita)

Penjelasan dapat difahami dengan contohnya pada bab باب ما يقول الرجل إذا رفع رأسه من الركوع (Bab Bacaan setelah mengangkat kepala daripada Ruku'). Di bawah bab ini Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis Rasulullah SAW yang berstatus *hasan sahih* iaitu:

حدثنا محمود بن غيلان، حدثنا أبو داود الطيالسي حدثنا عبد العزيز بن عبد الله بن أبي سلمة الماجشون، حدثنا عمي عن عبد الرحمن الأعرج عن عبيد الله بن أبي رافع عن علي بن أبي طالب قال: "كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا رفع رأسه من الركوع قال: سَمِعَ اللهُ مِنِّي حَمْدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ مِلءَ السَّمَاوَاتِ (وملء) والأرض، وملء ما بينهما، وملء ما شئت من شيء بعد.

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Salah, Bab Ma Yaquul al-Rajul iza Rafa'a Ra'sah min al-Ruku'*, No 266).

Maksudnya:

Mahmud bin Ghaylan menceritakan kepada kami, Abu Daud al-Tayalisi menceritakan kepada kami 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah bin Abu Salamah al-Majishun memberitahu kepada kami bapa saudaraku menceritakan kepada kami dari 'Abdul Rahman al-A'raj dari 'Ubaydilah bin Abu Rafi'i dari Ali bin Abu Talib berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila mengangkat kepalanya dari ruku' baginda berkata: "Sami'allah liman hamidah, Rabbana walaka al-Hamdu mil al-samawati wa mil al-Ardi wa mil ma bainahuma wa mil ma shita min shai' ba'd" yang bermaksud: Mudah-mudahan Allah memperkenankan bagi orang yang memuji kepadaNya. Wahai Tuhan kami dan hanya bagi Mu segala puji sepenuh langit dan bumi dan sepenuh apa yang ada diantara keduanya dan sepenuh apa yang Engkau kehendaki selain itu.

Tajuk hadis ini menjelaskan bahawa *ruku'* dan sujud merupakan rukun-rukun sembahyang. Allah SWT telah befirman di dalam surah (al-Hajj,22: 77) :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya) serta kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).

Setelah itu Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis Rasulullah SAW yang berstatus *hasan sahih* juga di dalam bab *minh akhar* iaitu:

حدثنا اسحق بن موسى الأنصاري حدثنا معن حدثنا مالك عن سمي عن أبي صالح عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "إذا قال الإمام: سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمَدَهُ، فَقُولُوا: رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ قَوْلَهُ قَوْلَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Salah, Bab Minh akhar*, No 267).

Maksudnya:

Ishaq bin Musa al-Ansari menceritakan kepada kami Ma'an menceritakan kepada kami Malik menceritakan kepada kami dari Sumai dari Abu Salih dari Abu Hurairah sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda; "Apabila Imam berkata: "Sami'allah liman hamidah" maka ucapkanlah: "Rabbana walaka al-Hamd" kerana barangsiapa yang ucapannya itu bersamaan dengan ucapan malaikat maka diampunkan dosanya yang telah lalu."

Justeru, hasil kajian mendapati Imam al-Tirmidhi telah menggunakan kaedah *ijma'* yang pertama iaitu *ijma'* pada perkara usul atau bersandarkan dalil al-Quran kerana *ruku'* dan sujud merupakan sebahagian daripada rukun sembahyang, maka meninggalkan salah satu rukun sembahyang akan membatalkan solat. Para ulama telah bersepakat mengenai bacaan selepas mengangkat kepala daripada *ruku'* adalah sama, tetapi terdapat sedikit penambahan di akhir hadis yang pertama. Maka *ijma'* di sini adalah *ijma'* bersandarkan kepada perkara yang *Usul* atau Dalil al-Quran.

3.2 *Ijma' bersandarkan kepada beberapa Istilah yang sering digunakan*

Pengkaji telah meneliti beberapa istilah yang sering digunakan oleh Imam al-Tirmidhi dalam menerangkan *ijma'* seperti "Amal 'inda ahl al-'Ilm min Ashab al-Nabi SAW wa ghairihim" (Beramal dengan tajuk bab ini merupakan amalan para ulama daripada kalangan sahabat Nabi SAW dan selain mereka) "amal 'inda 'Ammatan ahl al-'Ilm la na'lamu bainahum ikhtilafan" (Beramal dengan tajuk bab ini kesemua para ulama dan tidak diketahui ada percanggahan di antara mereka), "amal alaihi 'inda ashabi al-Nabi SAW (Beramal dengan tajuk bab ini merupakan amalan di sisi sahabat Nabi

SAW) dan “*Amal ‘inda akthar ahl al-‘ilm min ashab al-Nabi SAW*” (Beramal di dalam bab ini kebanyakan daripada para ulama dari kalangan sahabat Nabi SAW).


Contoh perkataan yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi adalah seperti berikut:

والعمل عليه عند أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم منهم: أبو بكر و عمر و عثمان و علي و غيرهم, ومن بعدهم من التابعين و عليه عامة الفقهاء و العلماء.

Maksudnya:

Dan beramal dengan tajuk bab ini merupakan amalan di sisi sahabat Nabi SAW iaitu: Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali dan lain-lain lagi, dan selepas mereka iaitu para tabiin, dan kesemua fuqaha’ dan ulama.

Maka apabila beliau meletakkan kata-kata sebegini maka dapat difahami ia menunjukkan perkara ini telah disepakati oleh *ijma’* ulama. Contohnya seperti di dalam *Bab Ma Jaa fi al-Talaq al-Ma’tuh* (Bab Talak bagi orang kurang akal). Rajah 5 merupakan contoh *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam *Bab Ma Jaa fi al-Talaq al-Ma’tuh* di dalam *Jami al-Tirmidhi*.



Rajah 5. Contoh *Bab Ma Jaa fi al-Talaq al-Ma’tuh* (Bab Talak bagi orang kurang akal)

Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis *sahih* dan *marfu’* daripada Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى حَدَّثَنَا مِرْوَانُ بْنُ مَعَاوِيَةَ الْفَزَارِيُّ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ عَجْلَانَ، عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ خَالِدِ الْمَخْزُومِيِّ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "كُلُّ طَلَاقٍ جَائِزٌ، إِلَّا طَلَاقَ الْمُعْتَوِّهِ الْمَغْلُوبِ عَلَى عَقْلِهِ."

(al-Tirmidhi, *Jami’ al-Tirmidhi, Abwab al-Talaq wa al-Li’an. Bab Ma Jaa fi al-Talaq al- Mat’uh, No 1191.*)

Maksudnya:

Muhammad bin 'Abd al-A'la menceritakan kepada kami, Marwan bin Mua'wiyah al-Fazari menceritakan kepada kami dari 'Ata' bin 'Ajlan, dari 'Ikrimah bin Khalid al-Mahzumi dari Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Setiap talak, talaknya akan dikira kecuali talak orang yang gila yang kurang akalunya."

Selepas itu Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis Rasulullah SAW yang sahih di bawah tajuk bab seperti berikut;

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ. حَدَّثَنَا يَعْلَى بْنُ شَيْبٍ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: كَانَ النَّاسُ، وَالرَّجُلُ يَطْلُقُ امْرَأَتَهُ مَا شَاءَ أَنْ يَطْلُقَهَا. وَهِيَ امْرَأَتُهُ إِذَا ارْتَجَعَهَا وَهِيَ فِي الْعِدَّةِ. وَإِنْ طَلَّقَهَا مِائَةَ مَرَّةٍ أَوْ أَكْثَرَ. حَتَّى قَالَ رَجُلٌ لَامْرَأَتِهِ: وَاللَّهِ! لَا أَطْلُقُكَ فَتَبِينِينَ مِنِّي، وَلَا أَوِيكَ أَبَدًا. قَالَتْ: وَكَيْفَ ذَاكَ؟ قَالَ: أَطْلُقُكَ. فَكَلَّمَا هَمَّتْ عِدَّتِكَ أَنْ تَنْقُضِي، رَاجِعْتِكِ. فَذَهَبَتْ الْمَرْأَةُ حَتَّى دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ فَأَخْبَرَتْهَا. فَسَكَتَتْ عَائِشَةُ حَتَّى جَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَتْهُ فَسَكَتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، حَتَّى نَزَلَ الْقُرْآنُ (الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فِيمَا سَأَلَكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ) {البقرة: ٢٢٩} .

قَالَتْ عَائِشَةُ: فَاسْتَأْنَفَ النَّاسُ الطَّلَاقَ مُسْتَقْبَلًا، مَنْ كَانَ طَلَّقَ وَمَنْ لَمْ يَكُنْ طَلَّقَ.

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Talak wa al-Li'an, Bab. No. 1120*)

Maksudnya:

Qutaibah menceritakan kepada kami, Ya'la bin Shabib menceritakan kepada kami dari Hisham bin 'Urwah dari ayahnya dari 'Aishah berkata: Adalah orang-orang lelaki terdahulu menceraikan isterinya mengikut kehendaknya dan apabila mereka ingin merujuk selalunya di dalam iddah meskipun dia telah menceraikannya seratus kali atau lebih. Sehingga berkata seorang lelaki kepada isterinya, Demi Allah! saya menceraikan kamu supaya kamu tidak dapat kembali kepadaku dan saya tidak menyediakan tempat tinggal untuk selamanya. Isterinya bertanya: "Mengapa begitu?" Suaminya menjawab: "Saya telah menceraikanmu". Maka ketika tempoh iddah hampir tamat suami berkata, kamu saya rujuk kamu semula. Maka perempuan tersebut pergi kepada 'Aisyah dan memberitahu tentang keadannya. 'Aishah diam sehinggalah datang Nabi Muhammad SAW dan 'Aishah memberitahu hal tersebut kepada Baginda, dan Rasulullah SAW juga diam sehingga turun ayat al-Quran: Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu boleh ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik." 'Aishah berkata: Maka berterusan talak pada masa selanjutnya, diantara mereka ada yang ingin bercerai dan ada yang ingin menahan dari talak.

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ إِدْرِيسَ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، نَحْوَ هَذَا الْحَدِيثِ بِمَعْنَاهُ. وَلَمْ يَذْكُرْ فِيهِ (عَنْ عَائِشَةَ)

Maksudnya:

Abu Kuraib bin Muhammad bin al-'Ala menceritakan kepada kami dia berkata, 'Abdullah bin Idris telah menceritakan kepada kami dari Hisham bin 'Urwah dari ayahnya, dia telah menceritakan seperti hadis di atas. Tetapi dia tidak menyebut di dalamnya dari 'Aishah.


al-Mubarakfuri (1998. 4:415) *Talaq al-Ma'tuh* ialah lafza talak yang dilafazkan oleh seorang kurang akalnya atau rosak akalnya. Manakal Ibn al-Jazari mengatakan *al-Ma'tuh* ialah orang yang gila. *Maglub 'ala 'aqlihi* berkata Zain al-Arab ia adalah mabuk bukan yang dibuat-buat, atau gila atau dalam sedang tidur iaitu mimpi, sakit sehingga hilang akalnya disebabkan sakit tersebut. Maka semua keadaan ini tidak jatuh talak mereka sepertimana talak seorang kanak-kanak.

al-Mubarakfuri (1998. 4: 418) Hadis *bab* ini menceritakan keadaan masyarakat di zaman jahiliyyah mereka mentalakkan isteri mereka dan merujuk kembali walaupun telah dilafazkan talak tersebut seratus kali atau lebih. Maka Allah SWT telah menurunkan ayat seperti diatas bahawa talak yang boleh dirujuk hanyalah dua kali dan tidak boleh dirujuk untuk kali ketiga melainkan isteri tersebut bernikah terlebih dahulu dengan lelaki lain.

Imam al-Tirmidhi telah menyebut والعمل عليه عند اصحاب النبي صلى الله عليه وسلم وغيره (Telah beramal dengan hadis ini oleh para ulama dari sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan selain mereka) di akhir hadis yang pertama. Justeru, kajian mendapati hadis ini telah menjelaskan ianya *ijma'* di sisi Imam al-Tirmidhi, iaitu tidak jatuh talak bagi orang yang kurang akal melainkan di dalam beberapa keadaan tertentu. Setelah itu beliau meriwayatkan hadis di bawah tajuk *bab* yang merupakan pelengkap bagi hadis pertama yang menghuraikan tentang bilangan talak yang dibolehkan di dalam Islam. Maka *ijma'*nya di sini adalah *ijma'* bersandarkan kepada beberapa istilah yang sering digunakan oleh beliau.

3.3 *Ijma' bersandarkan kepada Tajuk Hadis*

Kaedah yang seterusnya adalah *ijma'* bersandarkan kepada tajuk hadis. Contoh bagi kaedah yang ketida ini adalah di bawah *Abwab al-Tahara* (Tajuk Bersuci). *Bab Ma Jaa 'anna al-Ma' la Yanjis Shai'* (Bab Air Tidak Menjadi Najis dengan sesuatu). Menurut pengkaji tajuk bab yang diutarakan oleh Imam al-Tirmidhi seperti ini adalah *ijma'*, kerana beliau telah menyatakan dengan jelas tentang hukum tersebut. Selain itu beliau tidak meletakkan sebarang perbincangan yang mendalam di dalam hadis tersebut pandangan daripada para *fuqaha* di dalam menjelaskan kadar penentuan bagi air mutlak sebagai huraian daripada hadis tersebut.



Rajah 6. Contoh *Bab Inna al-Ma' la Yanjizuhu Shai'* (Bab Air Tidak Menjadi Najis dengan sesuatu)

Imam al-Tirmidhi telah meriwayatkan hadis *hasan* daripada Rasulullah SAW

حدثنا هنادٌ و الحسن بن عليّ الخلالٌ وغيرُ واحدٍ قالوا: حدثنا أبو أسامة عن الوليد بن كثير عن محمد بن كعب عن عبيد الله بن عبد الله بن رافع بن خديج عن أبي سعيد الخدري قال قيل: يا رسول الله، أنتوضأ من بئر بضاعة، وهي بئر يلقى فيها الحيض ولحوم الكلاب والتتن؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "إن الماء طهور لا ينجسه شيء"

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Taharah, bab ma Jaa Anna alma' la Yanjisuhu Syai'*. No.66)

Maksudnya:

Hannad, Hasan bin 'Ali al-Khalal dan dan salah seorang darinya telah menceritakan kepada kami, mereka berkata: Abu Usamah menceritakan kepada kami dari Walid bin Kathir dari Muhammad bin Ka'ab dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah bin Rafi' bin Khadij dari Abu Sa'id al-Khudri telah berkata: Kami berkata kepada Rasulullah SAW bahawa kami telah mengambil wudku dari Telaga Budha'ah, iaitu telaga yang telah di campurkan dengan haid, daging anjing dan barang yang berbau busuk. Maka Rasulullah SAW berkata: Sesungguhnya air yang suci itu tidak dinajiskan dengan sesuatu.

al-Mubarakfuri(1998, 213, Jil 1)menjelaskan Telaga *Budha'ah* ialah telaga yang terkenal di bandar Madinah. Beliau telah menjelaskan bahawa air telaga yang

dicampurkan dengan haid itu ialah kain kapas yang telah digunakan pada darah haid, dan bau busuk yang dimaksudkan ialah bau yang tidak menyenangkan seperti bau najis dan bau mayat. Selain itu Telaga *Budha'ah* merupakan sebuah telaga yang mempunyai banyak air dan ianya melebihi dua kolah, maka sifat air di dalamnya tidak berubah apabila dicampurkan sesuatu kedalamnya.

Setelah itu Imam al-Tirmidhi meriwayatkan hadis *bab minhu akhar* iaitu:

حدثنا هنادٌ حدثنا عبدة عن محمد بن إسحاق عن محمد بن جعفر بن الزبير عن عبید الله بن عبد الله بن عمر عن ابن عمر قال: "سمعتُ رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يُسألُ عن الماءِ يكونُ في الفلاةِ مِنَ الارضِ وما يُنوبُهُ مِنَ السَّبَاعِ والدَّوَابِّ؟ قال: فقال: رسول الله صلى الله عليه وسلم: "إذا كان الماءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الخَبَثَ."

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Abwab al-Taharah, Bab Minh akhar*, No 67).

Maksudnya:

Hannad menceritakan kepada kami, 'Abdah menceritakan kepada kami dari Muhammad bin Ishaq, dari Muhammad bin Ja'far bin Zubair dari 'Ubaidillah bin 'Abdullah bin 'Umar dari Ibn 'Umar telah berkata: Saya telah mendengar Rasullullah SAW ditanya tentang air yang berada di tanah lapang dan terkena binatang buas dan binatang-binatang lain, Ibn 'Umar berkata: Rasullullah SAW bersabda: Apabila air itu dua kolah maka ia tidak menjadi najis"

Al-Busi (1999,23) telah berkata bahawa telah bersepakat para ulama sekiranya air itu berubah secara sendirinya seperti berubah air yang berada di dalam sebuah telaga kerana telaga itu atau rumput-rumput di dalamnya makan ia dianggap suci. Namun sekiranya air itu berubah kerana najis yang dimasukkan maka ia dikira najis. Selain itu *ijma'* para ulama juga mengatakan air yang suci dijumpai di tempat yang suci maka ia tidak dikira najis.

al-Kandahlawi (2010.1: 382) menjelaskan terdapat perbezaan pendapat di dalam menentukan air itu bertukar menjadi najis. Al-Zahiriyah dan Imam Malik berkata air tidak menjadi najis sekiranya bercampur dengan sedikit najis dan ia tidak merubah salah satu dari tiga sifat air tersebut iaitu warna, bau atau warna. Walaubagaimanapun, pendapat ini berbeza dengan apa yang dipegang oleh Mazhab Hanafi, Mazhab Syafi'I, Mazhab Hanbali dan Imam Ishaq yang mengatakan air

menjadi najis walaupun bercampur dengan sedikit najis namun begitu para imam ini berselisih pendapat di dalam menentukan kadar minimum air yang boleh menjadikan air itu menjadi najis.

Justeru, kesimpulan yang pengkaji dapat dinyatakan disini, Imam al-Tirmidhi telah mengutarakan dua hadis yang menerangkan mengenai air tidak bertukar menjadi najis. Apabila diamati hadis yang pertama telah menerangkan kepada kita secara umum, kemudian Imam al-Tirmidhi mendatang pula kepada kita hadis yang *minhu akhar* yang menerangkan cabang dan pelengkap bagi hadis yang pertama dengan keadaan yang lebih mendalam. Dapat difahami juga para ulama telah bersepakat mengenai hukum air tersebut adalah suci dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan.

Justeru, pengkaji mendapati tiga kaedah *ijma'* ini apabila berinteraksi dengan hadis-hadis *al-Tarjamah al-Mursalah*, namun begitu tidak dapat dinafikan mungkin masih banyak lagi metode *ijma'* yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam bab yang berlainan.

4.0 PERBINCANGAN

Ibn al-Athir (1969) menjelaskan *Jami' al-Tirmidhi* merupakan kitab yang terlalu banyak kelebihan dan mempunyai susunan yang baik serta paling sedikit pengulangan hadis. Ia merupakan sesuatu yang baru yang tidak terdapat di dalam kitab hadis lain. Hadis-hadis yang diutarakan oleh Imam al-Tirmidhi akan disertakan pandangan imam yang lain, malah beliau turut menjelaskan jenis-jenis hadis samada ia adalah hadis *sahih, hasan daif* dan sebagainya.

Hasan al-Waili (2005) turut menjelaskan terdapat tiga belas kaedah yang beliau gunakan bagi menghuraikan *و في الباب* yang dikemukakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam *Jami' al-Tirmidhi*. Diantara kaedah yang beliau gunakan oleh ialah (i) Mencari asal sanad hadis *و في الباب* dari kitab-kitab hadis yang utama (ii) Mentakhrij nama-nama sahabat dan tabi'in di dalam *matan* yang sama (iii) Menyebut '*illah* yang

jelas ataupun tidak yang dijumpai di dalam kajian beliau (iv) Menjelaskan status *matan* hadis selepas mengetahui keadaan hadis tersebut dan lain-lain lagi. Pemahaman kepada kaedah penjelasan *و في الباب* ini penting kerana ia akan membantu pengkaji bagi memahami kaedah *al-Tarjamah al-Mursalah* samada ia menjelaskan *ijma'*, *khilaf*, *nasikh mansukh* atau *furu'*.

Justeru, memahami metode *ijma'* di dalam *al-Tarjamah al-Mursalah* merupakan suatu kajian yang memerlukan kepada penelitian. Ini kerana pemahaman *ijma'* di dalam *al-Tarjamah al-Mursalah* hanya akan terhasil apabila pengkaji memahami istilah-istilah serta metode penulisan Imam al-Tirmidhi yang telah dijelaskan oleh para ulama terdahulu. Selain itu kaedah *tabwib* yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi sangat memudahkan pengkaji dalam meneliti dan memahami metode *al-Tarjamah al-Mursalah* umumnya dan *ijma'* khususnya. Teknik penyampaian yang mudah dan ringkas menjadi keistimewaan utama kitab *Jami' al-Tirmidhi*. Kajian ini telah berjaya menemukan metode Imam al-Tirmidhi di dalam menerangkan *ijma'* iaitu *Ijma'* pada perkara yang usul (asal) atau dalil al-Quran, *Ijma'* bersandarkan kepada beberapa istilah yang dilafazkan dan *Ijma'* bersandarkan kepada tajuk bab hadis.

Ijma' di dalam *al-Tarjamah al-Mursalah* banyak digunakan oleh Imam al-Tirmidhi terutama di dalam *abwab al-Salah*, *al-Haj*, *al-Janaiz* dan *al-Talaq wa al-Lian*. Beliau telah menerangkan sesebuah hadis berdasarkan tajuk tertentu, kemudian mengemukakan “*bab*” atau yang seumpama dengannya dan disusuli dengan hadis berikutnya. Metode ini juga digunakan untuk menerangkan permasalahan berkaitan *khilaf*, *nasikh mansukh* dan *furu'*.

Dapatan analisis turut mendapati bahawa Imam al-Tirmidhi konsisten dan mempunyai gaya tersendiri di dalam menerangkan hadis-hadis *ijma'* iaitu dengan mengemukakan dalil-dalil terlebih dahulu, kemudian beliau menerangkan bahawa hadis ini telah diamalkan oleh kesemua para ulama daripada kalangan sahabat Nabi

SAW dan selain mereka atau yang seumpama dengannya. Justeru ini jelas membuktikan penguasaan dan kemahiran beliau di dalam bidang hadis dan fiqh.

Selain itu, perbincangan yang sangat teliti yang dilakukan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam membahaskan sesebuah hadis wajar dicontohi oleh setiap pengkaji. Ini dapat dibuktikan apabila beliau menghuraikan sesebuah hadis, beliau akan mengemukakan hukum bagi setiap hadis, menjelaskan hal berkaitan sanad dan menyatakan setiap hadis berkaitan sesuatu tajuk berserta *mutaba'at* dan *shawahid* sekiranya ada. Justeru, metode yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi membuatkan pengkaji mampu memahami serta membuat penilaian terhadap sesebuah hadis berdasarkan pandangan ulama yang dinyatakan samada hadis tersebut boleh dijadikan sebagai hujah atau sebaliknya.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusan *al-Tarjamah al-Mursalah* merupakan kaedah ketiga yang digunakan oleh Imam al-Tirmidhi di dalam sistem *tabwib Jami' al-Tirmidhi. al-Tarjamah al-Mursalah*. Kaedah ini dapat dikenali apabila pengkaji menemui sesebuah tajuk bab kemudian diikuti tajuk bab seterusnya dengan tajuk *bab* atau *bab minh* atau *bab minh iadan* atau *bab minh akhar* atau *bab akhar minh* atau *bab akhar* sahaja tanpa penambahan tajuk lain. *Ijma'* merupakan salah satu daripada objektif *al-Tarjamah al-Mursalah* yang empat. Penggunaan metode *al-Tarjamah al-Mursalah* di dalam bab *ijma'* ini banyak digunakan oleh Imam al-Tirmidhi ketika membicarakan hadis yang berkaitan dengan *ahkam fiqh* seperti di dalam bab sembahyang, haji, talak dan jenazah. Di dalam memahami metode *ijma'* di sisi Imam al-Tirmidhi beliau akan menyatakan sekiranya sesebuah hadis yang diutarakan merupakan hadis yang disepakati atau tidak. Namun begitu, Imam al-Tirmidhi tidak menggunakan lafaz *ijma'* itu secara jelas atau terang-terangan sepertimana yang selalu digunakan oleh para *fuqaha'*, ini kerana kajian mendapati beliau banyak menyatakan *ijma'* itu secara tidak langsung. Justeru diharapkan kajian ini dapat menjelaskan kekeliruan di dalam pemahaman para pembaca kitab *Jami' al-Tirmidhi* di dalam pemasalahan *tabwib Jami' al-Tirmidhi* secara amnya dan *al-Tarjamah al-Mursalah* secara khususnya.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengetian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahamad Asmadi bin Sakat dan Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah. 2009. *Isu-Isu Permasalahan Hadis dan al-Kutub al-Sittah. Metodologi Imam al-Tirmidhi dalam meriwayatkan Hadis-hadis yang menunjukkan Bab Tertentu*. Hlm 43-58. Bangi: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahamad Asmadi bin Sakat. 1998. *Metodologi Imam al-Turmidhi dalam Kitab Sunannya (Jaminya): Kajian Perbandingan dengan Metodologi Sunan Ibn Majah*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahnaf Wafi bin Alis. 2015. *Metodologi Imam al-Tirmidhi dalam Menerangkan Khilaf Fiqhi*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Busi, Abdullah bin Mubarak.1999. *Mausua'h al-Ijma' al-Sheikh al-Imam Ibn Taimiyah*. Saudi : Maktabah Dar al-Bayan al-Hadith.
- al-Fairuz Abadi, Majd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'qub. 1998. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut, Lubnan: Muasasah al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa bin Saurah. 1999. *Faharis Jami' al-Tirmidhi*. Jil 6. Kaherah: Dar al-Hadis.
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa bin Saurah. 2000. *Jami' al-Tirmidhi*. Riyadh: Dar Salam Lil Nasyar wa Tauzi'.
- Hasan bin Muhammmad bin Haidar al-Waili.2005. *Nuzhatul al-Bab fi Qaul al-Tirmidhi "Wa fi al-Bab"*. Saudi: Dar Ibn al-Jauzi.
- Ibn al-Athir al-Jazari, Majid al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad. 1969. *Jami' al-Usul fi al-Ahadith al-Rasul*. Jil 1. Maktabah dar al-Bayan
- Ibn Mandhur, Jamaludiin Muhammad bin Mukram. 2008. *Lisan al-'Arab*. Jil.&4&5. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Kandahlawi al-Madani, Muhammad Zakaria. 2003. *Aujaz al-Masalik ila Muato' Malik*. Di tahqiq oleh : Thaqiyuddin al-Nadawi. Jilid 1 .Dimasq: Dar Qalam.
- Khadher Ahmad & Sedek Ariffin. 2013. *Pemahaman Imam Al-Bukhari Terhadap Hadith Nabi Saw Disihir: Satu Analisis*. Jurnal HADIS, Jun (5): 26.

al-Mubarakfuri, Muhammad bin Abdul Rahman bin Abdul Rahim. 2008. *Tuhfat al-Ahwadzi bi Syarah Jami' al-Tirmidhi*. Jil 1&4 Beirut: Dar Ihya Thurath al-'Arabi.

Muhammad Umar Mukhtar bin Shafie. 2017. *Metodologi Imam al-Tirmidhi dalam Menerangkan Dalil Imam al-Syafi'i*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur al-Din 'Itr. 1988. *Imam al-Tirmidhi wa al-Muwazanah baina Jami'ih wa baina al-Sahihain*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Sa'di Abu Jaib. 1999. *Mausu'ah al-Ijma' fi al-Fiqh al-Islami*. Jil 1. Damsyik: Dar al-Fikr.

Udah@Budah bin Mohsin. 2009. Isu-Isu Permasalahan Hadis dan al-Kutub al-Sittah. *Kepentingan Memahami Ulum al-Hadis bagi Mempelajari al-Hadis dan Kepentingan al-Kutub al-Sittah dalam al-Hadis*. Hlm 33-41. Bangi: Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).